

Buat kenyataan jangan sampai aibkan bangsa sendiri – Rais

JEMPOL 31 Okt. – Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Rais Yatim mengingatkan semua pihak terutama ahli UMNO supaya tidak lupa budi, bahasa serta budaya sendiri sebagai orang Melayu dan penganut agama Islam ketika mengeluarkan kenyataan berhubung pergolakan yang melanda parti.

Beliau berkata, perbuatan itu bukan sahaja menimbulkan aib pada kaum sendiri tetapi perlu diselaraskan semula dengan perlembagaan UMNO yang menuntut setiap ahlinya supaya menghormati kebudayaan nasional dan budi bahasa.

“Kita harus ingat ia bergolak dalam masyarakat Melayu, masyarakat UMNO, perlu kita lihat senario yang meluas sedangkan pihak lain tidak mengeluarkan perkataan sedemikian, kenapa kita.

“Saya kemukakan secara ikhlas kepada

bangsa kita untuk berfikir, kita mempunyai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kita mempunyai tanggungjawab yang berat, takkanlah hubungan antara dua manusia itu akan menjadi sesuatu yang meretakkan keharmonian kita selama ini,” katanya kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri di Hentian Air Hitam di sini malam tadi.

Turut hadir Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdullah Sani Ab. Hamid dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang, Jalaludin Alias.

Majlis yang dihadiri kira-kira 3,000 penduduk tempatan itu dimeriahkan dengan persembahan artis seperti Abby Yus, Zila AF4, Zaiton Sameon dan Jeffry Din.

Rais berkata demikian ketika diminta

UM - 11/11/2006.
mengulas mengenai kritikan-kritikan keras yang dibuat oleh pemimpin UMNO terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kata-kata berkenaan dilemparkan ekoran kritikan berterusannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pertemuan empat mata baru-baru ini.

Rais yang juga Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan berkata, budi bahasa serta budaya melambangkan ketinggian pemikiran dan perbuatan sesuatu bangsa.

“Kita iktiraf sekiranya emosi kita tinggi, kita lepaskan menerusi lunas yang wajib tetapi ia tidak mendera seseorang itu sedemikian rupa sehingga masyarakat kita menjadi aib.

“Dengan keadaan demikian maka seruan perlu dibuat tetapi disusur dengan mereka yang sedar iaitu zaman ia beredar, pesaka bergilir... pada satu hari ‘A’ naik dan

di hari lain ‘B’ naik dan seterusnya hidup kita sedemikian, tinggal lagi kebenaran harus dipegang.

“Kedua-dua pihak perlu melihat keadaan itu supaya membina sifat yang mencerminkan ketinggian tamadun kita,” katanya.

Mengulas cadangan supaya beliau menjadi orang tengah bagi meredakan kritikan-kritikan keras itu beliau berkata:

“Apalah daya seorang atau satu kementerian kerjanya tidak merangkul kesemuanya, tetapi saya tidak keberatan untuk mengingatkan semua pihak supaya reda daripada mengeluarkan kata-kata kesat yang tidak meninggikan mercu perjuangan menerusi asas budaya kita sendiri.

“Lantas kita perlu menyiapkan diri untuk mengisi setiap tuntutan perlembagaan parti yang pada dasarnya, perlu kita hormati.”